

Sukan SEA: Langkah gugurkan silat sudah diatur 2

Oleh RAHIME YUSOF

KEPUTUSAN Jawatankuasa Persekutuan Sukan SEA (SGF) menggugurkan silat olahraga pada Sukan SEA Manila, tahun depan, disifatkan sebagai sengaja diatur bagi melemahkan perkembangan silat di rantau ini.

Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Tan Sri Haji Muhammad Mohd Talb, berkata keputusan itu amat tidak wajar kerana sebelum ini silat diterima bertanding pada Sukan SEA di Manila pada tahun depan.

"Saya terkejut mendengar berita itu menerusi tv malam tadi. Kenapa harus silat digugurkan, sedangkan lima negara peserta mempunyai skuad silat yang baik," katanya ketika menyambut kepulangan skuad silat kebangsaan yang menyertai Kejohanan Sedunia di Belanda, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam. 28 SEP 1990

Tan Sri Haji Muhammad berkata, Pesaka tidak akan berdiam diri dan akan melobi lima negara lain iaitu Indonesia, Thailand, Singapura dan Brunei agar silat diterima semula.

Katanya, Pesaka akan menghantar surat rayuan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) supaya membawa semula usul ini pada mesyuarat SGF nanti. B. Hanan (M)

Di samping itu kata Menteri Besar Selangor itu, Pesaka juga akan meminta MOM memberi penjelasan mengenai pengguguran silat.

"Saya turut meragui wakil MOM pada mesyuarat itu kerana mungkin mereka tidak mempertahankan silat pada Sukan SEA akan datang," katanya.